05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN AKHBAR DALAM DARJAH (ADD) MENINGKATKAN KEFAHAMAN BACAAN BAHASA MELAYU MURID-MURID TAHUN EMPAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN PENDITA ZAABA TAPAH ROAD PERAK DARUL RIDZUAN

NOOR AZNI YAHYA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LATIHAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM PERAK DARUL RIDZUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

2004
.....
TARIKH

.....
NOOR AZNI BIN YAHYA
200000138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah (S.W.T) yang maha pemurah lagi maha penyayang. Segala puji-pujian itu hanya untuk-NYA yang telah mencipta dan memelihara seluruh alam semesta. Rahmat dan sejahtera kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad (S.A.W.), kerabat baginda dan sahabat-sahabat baginda.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dihormati Encik Nik Hassan Basri Ab. Kadir. Sesungguhnya segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan beliau telah banyak membantu saya menyiapkan tugasan ilmiah ini. Semoga sumbangan bakti beliau mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Ucapan terima kasih juga kepada Guru Besar , guru-guru dan murid-murid Tahun Empat Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road Perak Darul Ridzuan atas segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan ketika kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda dan bonda, isteri dan anak-anak tersayang serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya dalam proses menyiapkan tugasan ilmiah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noor Azni bin Yahya
Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan
UPSI Tanjong Malim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu eksperimen untuk meninjau keberkesanan alat bantu mengajar yang berkonsepkan Akhbar Dalam Darjah (ADD) untuk meningkatkan kefahaman bacaan bahasa Melayu murid-murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road. Perak. Kajian yang berbentuk kuasi – eksperimen ini menggunakan reka bentuk kajian ujian pra dan ujian post kumpulan kawalan (pretest – posttest control group design). Tumpuan kajian adalah terhadap pencapaian kefahaman bacaan murid-murid berasaskan bentuk aras soalan yang berdasarkan kepada Taksonomi Bloom. Ujian –t digunakan untuk menguji 9 hipotesis nul bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian kefahaman bacaan yang menggunakan akhbar berkonsepkan ADD bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan yang menggunakan buku teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan akhbar yang berkonsepkan ADD dan penggunaan buku teks dalam ujian pra hampir sama. Walaupun demikian, setelah kedua-dua kumpulan ini diberi rawatan didapati bahawa penggunaan ADD lebih berkesan daripada penggunaan buku teks. Dapatan ini membuktikan bahawa penggunaan ADD berupaya meningkatkan kefahaman bacaan murid-murid. Berdasarkan fakta ini, adalah disyorkan supaya guru-guru bahasa Melayu mempelbagaikan teknik pengajaran mereka dengan melibatkan sumber media seperti akhbar, majalah,komik dan pelbagai bacaan lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research is considered as an experiment to study the effect ot Teaching Aids based on the concept of Newspaper In Classroom (NIE) in order to increase the level of understanding among Year Four pupils in Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road. Perak. This research is based on Experiment Method (Pretest – Posttest) It focused on the pupil's level of proficiency based on Bloom's Taxsonomy. Nine aspects had been tested to identify the differences between the proficiency level using NIE and ordinary texts. The finding of this research was the level of proficiency between these two concepts almost the same. However, through my observation, the use of NIE on selected group has significant outcome compare to the use of texbook. This already shown that the use of NIE able to enhance the proficiency level among the pupils. Base on this fact, teachers should make fully use of varieties reading materials such as newspapers, magazines, comics and others.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		**ii**
PENGHARGAAN		**iii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		**v**
KANDUNGAN		**vi**
SENARAI JADUAL		**x**
SENARAI RAJAH		**xii**
BAB I	**PENDAHULUAN**	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Sejarah ADD	6
1.2	Konsed ADD	8
1.3	Kefahaman	9
1.4	Bacaan	10
1.5	Kefahaman Bacaan	11
2.0	Pernyataan Masalah	12
3.0	Objektif Kajian	17
4.0	Soalan Kajian	18
5.0	Hipotesis Kajian	20
6.0	Hipotesis Nul	22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.0	Kepentingan Kajian	24
8.0	Skop Kajian	26

BAB II SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	28
2.1	Ciri-Ciri Akhbar Yang Baik	29
2.2	Keberkesanan ADD	32

BAB III METODOLOGI

3.0	Pengenalan	35
3.1	Reka Bentuk Kajian	35
3.2	Sampel dan Populasi Kajian	38
3.3	Instrumen Kajian	39
3.4	Prosedur Kajian	40
3.5	Penganalisisan Data	41

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	43
4.1	Pencapaian Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	44
4.2	Pencapaian Kefahaman Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Post	46
4.3	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Post	49
4.4	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental yang Menggunakan Akhbar (ADD) dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	51
4.5	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	53
4.6	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	55
4.7	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	57
4.8	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks Bagi Soalan Aras Mudah dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	59
4.9	Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Kawalan yang Menggunakan Buku Teks Bagi Soalan Aras Tinggi dalam Ujian Pra dengan Ujian Post	62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V **RINGKASAN,PERBINCANGAN,RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	64
5.1	Hipotesis Nul	64
5.2	Ringkasan Dapatan	67
5.3	Perbincangan Dapatan	71
5.4	Implikasi Kajian Terhadap Guru Bahasa Melayu	72
5.5	Cadangan-cadangan untuk Penyelidikan Lanjutan	74

RUJUKAN

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
4.1.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental Dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	45
4.1.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Keseluruhan Kefahaman Bacaan Murid Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Post	46
4.2.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Mudah	47
4.2.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan bagi Soalan Aras Mudah Dalam Ujian Post	48
4.3.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Pencapaian Kefahaman Bacaan Murid dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Tinggi Dalam Ujian Post	49
4.3.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Dalam Kumpulan Eksperimental dan Kumpulan Kawalan bagi Soalan Aras Tinggi Dalam Ujian Post	51
4.4.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	52
4.4.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) dalam Ujian Pra dan Ujian Post	53
4.5.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post	54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2	Ujian – t bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post	55
4.6.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	56
4.6.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) dalam Ujian Pra dan Ujian Post	57
4.7.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	58
4.7.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Akhbar (ADD) dalam Ujian Pra dan Ujian Post	59
4.8.1	Min dan Sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	60
4.8.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakan Buku Teks Dalam Ujian Pra dan Ujian Post	61
4.9.1	Min dan sisihan Lazim (SL) Markat Kefahaman Bacaan Murid menggunakan Buku teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post	62
4.9.2	Ujian – t Bagi Menunjukkan Perbezaan Markat Kefahaman Bacaan Murid Menggunakkan Buku Teks dalam Ujian Pra dan Ujian Post	63

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Halaman
3.1.1	Reka Bentuk Penyelidikan Kuasi Model Wiersma	36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran berjalan serentak dalam kehidupan sama ada secara formal ataupun tidak formal. Dalam pendidikan, penerimaan ilmu pengetahuan banyak bergantung kepada kebolehan membaca dan memaham bahan-bahan bacaan seperti buku, majalah, dan surat khabar. Murid-murid memperoleh maklumat-maklumat baru tentang fakta, isu semasa, sejarah , cerita-cerita, maklumat dan sebagainya melalui pembacaan. Selain itu, seseorang akan memperoleh keseronokan ketika membaca kerana melalui bacaan akan mendapat idea dan pengalaman.

Chapman dan Czerniewska (1978 : 62) menyatakan bahawa membaca akan mengembangkan ruang kefahaman tentang dirinya kemanusiaan dan dunia seluruhnya. Proses ini akan dapat dicapai dengan lebih berkesan dan bermakna apabila semua pancaindera murid-murid digunakan serentak dengan sebaik mungkin. Dalam pengajaran Bahasa Melayu penggunaan bahan sebagai alat bantu mengajar, misalnya surat khabar memerlukan penglibatan sebahagian besar pancaindera ini. Penggunaan bahan sebagai alat bantu mengajar boleh menimbulkan rangsangan dan minat murid-murid untuk berfikir terhadap isi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran guru. Oleh yang demikian penggunaan bahan yang sesuai dan menarik, amat penting diberi perhatian oleh guru bahasa.

Umumnya penggunaan bahan ini bertujuan untuk menggunakan indera murid-murid supaya objektif pengajaran dapat dicapai dengan berkesan. Ini ditegaskan lagi oleh Cornell (1981 : 305) berpendapat bahawa pengetahuan dapat diperteguhkan dengan pembelajaran dijadikan lebih kekal dengan merangsang lebih daripada satu deria, seperti penerangan lisan disertakan atau diikuti dengan pernyataan atau dengan tulisan pada papan hitam, pemerhatian kepada gambar atau gambar rajah yang berkaitan, atau penelitian sesuatu model atau contoh. Seorang lagi sarjana Kamarudin Haji Husin (1986 : 234) pula menyatakan bahan merupakan faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran dan menimbulkan rangsangan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran bertambah baik dan berkesan.

Pendapat kedua-dua tokoh di atas sejajar dengan pandangan Noraziah Abd. Hamid (1984 : 2) yang menyatakan bahan bantu mestilah dianggap sebagai satu bahagian yang padu atau "integral part" dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu ini bertujuan menambah kelancaran perhubungan guru dengan murid dan sebaliknya, pelajar sesama murid serta membantu atau mempercepat proses pemahaman mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain pandangan di atas, Mat Nor Husin dan Ab. Rahman (1981 : 1) ada menjelaskan penggunaan bahan pengajaran atau penggunaan alat bantu mengajar adalah penting kerana dapat meningkatkan kejayaan pembelajaran, terutamanya untuk pelajaran Bahasa Melayu . Alat bantu mengajar juga boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu aspek pengajaran dan pembelajaran yang lebih mencabar dan lebih mendalam lagi.

Terdapat juga pandangan yang menyentuh bahan mengajar ini secara lebih mendalam . Misalnya Ng Kuan Seng (1981 :35) menyatakan bahawa kita tidak dapat memberi takrif yang tetap walaupun pada keseluruhannya banyak penduduk menyetujui bahawa penggunaan bahan pengajaran dalam situasi pengajaran dan pembelajaran ialah pengalaman yang melibatkan penggunaan penglihatan atau pandangan seseorang. Sungguh pun begitu Atan Long (1982 : 174) cuba menghuraikan takrif ini dengan mengatakan bahawa bahan pengajaran atau alat bantu mengajar terdiri daripada pelbagai bahan . Sesuatu bahan boleh disampaikan dengan pelbagai cara . Umumnya, sesuatu bahan itu mungkin diterbitkan dalam bentuk buku.

Sehubungan dengan perkara tersebut, jika ditinjau pula pada zaman prasejarah, manusia menggunakan alat-alat tertentu bagi membantu mereka dalam proses tunjuk ajar atau mendapatkan kemahiran tertentu. Mereka mungkin menggunakan keratan-keratan kayu kecil untuk mengira atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan tanah liat untuk menulis. Hari ini berbagai-bagai bentuk media pengajaran yang wujud di sekeliling kita. Buku-buku dan alat-alat cetak lain misalnya, jarang disedari sebagai bahan pengajaran(Harun Che Su, 1981 : 41).

Oleh hal demikian, bahan bantu dalam pengajaran bahasa adalah sangat penting khasnya dalam mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, seperti aktiviti membaca bahan-bahan dalam akhbar. Demikian juga peranan guru sangat penting, guru perlu memikirkan penggunaan bahan yang mudah didapati serta tidak membebankan murid tetapi berkesan dan menarik. Pada kebiasaannya guru sering menggunakan buku teks tanpa menggunakan bahan lain sebagai bahan bantu. Namun kebanyakan guru mengambil jalan mudah dan berpuas hati hanya dengan buku teks yang ada pada murid-murid. Buku memang sebagai sumber yang penting kepada murid, dalam hal ini, Noraziah Abd. Hamid (1981 : 3) telah memetik kata David Berlo yang berpendapat bahawa dalam proses komunikasi, terdapat empat ciri penting iaitu sumber, pesanan, saluran dan penerima. Apabila guru mengajar kemahiran bahasa, dia perlu sedar akan keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Apabila semua kemahiran ini dapat dicapai, barulah boleh dikatakan seseorang murid itu dapat menguasai kemahiran bahasa tersebut.

Perkara yang menjadi persoalan sekarang ialah, mengapa ramai guru bahasa masih tidak mahu memanfaatkan bahan-bahan cetak, khasnya akhbar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran? Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid (1978), seperti yang tersiar dalam Berita Harian 23 Jun 1978, antara lain, beliau mengatakan bahawa penggunaan surat khabar sebagai media teknologi pendidikan yang murah, beberapa kajian yang dilakukan setakat ini menunjukkan ketidaksungguhan penggunaan media tersebut walaupun pendedahan dalam bentuk ceramah dan bengkel mendapat sambutan yang menggalakkan.

Daripada beberapa takrifan dan kajian di atas ternyata proses membaca satu proses yang kompleks. Membaca melibatkan aktiviti mengamati, mengingat, mendengar dan menakkul sesuatu bahan yang dibaca. Seseorang perlulah menguasai kemahiran–kemahiran membaca yang tertentu .Justeru dengan penguasaan kemahiran ini, maka kita dapat membaca sesuatu bahan bacaan dengan lebih berkesan dan bersistematik. Selain itu, juga bertujuan untuk menggalakkan murid-murid bagi meneruskan proses pembelajaran di bilik darjah. Kebolehan dalam mengamati dan memahami idea-idea yang terkandung dalam sesuatu petikan rencana ini memberi rangsangan dan motivasi kepada murid-murid untuk meneruskan pengajian dan mencari maklumat-maklumat baru. Bagi meningkatkan kemahiran ini, bacaan intensif dan ekstensif mestilah dilaksanakan khususnya di peringkat sekolah rendah tahap dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Sejarah ADD

Pelaksanaan ADD didasarkan kepada konsep Newspapaer in Education (NIE) yang telah dilaksanakan di Amerika Syarikat .

" The Newspaper in Education program in existence for more than 30 years in a national system of cooperation between school districts and local newspaper. Some 600 newspapers repsenting 76.5 % of daily circulation-participate in the NIE program throughout the acedemic year. Students at all grade levels use the newspaper as a vital part of their studies"

(De Roche : 1976)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan De Roche ini bermakna kecenderungan menggunakan akhbar di bilik darjah bermula pada awal kurun ke-20. Pada 1930-an hingga 1955 beberapa akhbar seperti The New York Times dan Milwaukee Journal melaksanakan program itu di sekolah-sekolah.

Seterusnya pada 1955 - 1960 penggunaan ADD semakin berkembang dan International Circulation Managers Association menyelaraskan kegiatan ADD dengan mengadakan bengkel di kalangan guru dan ahli pendidikan di beberapa universiti. Program ini dikenali sebagai "Newspaper in Classroom'. Selanjutnya mulai 1958 American Newspaper Publisher Association Foundation

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ANPA) mengambil alih pengelolaan, penyelarasan dan penajaan akhbar di sekolah. Pengaruh penggunaan akhbar ini akhirnya dilaksanakan di Malaysia sehingga sekarang Berita Harian dan New Straits anggota bersekutu.

Sebelum itu pada tahun 1976, ANPA menggantikan nama "Newspaper in Classroom" kepada "Newspapaer in Education". Manakala di Malaysia program ini dilaksanakan oleh akhbar Berita Harian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk menjadikan akhbar sebagai bahan pengajaran "tool for instruction" di bilik darjah. Program ADD ini telah dilancarkan oleh bekas Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Abdul Rahman Arshad pada 29 Jun 1985.

Mengikut pandangan umum tentang Akhbar Dalam Darjah atau ADD, bermaksud penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dengan kata lain ADD juga berfungsi untuk memupuk kecenderungan dan minat membaca di kalangan murid sekolah rendah dan menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Konsep ADD

Akhbar Dalam Darjah (ADD) bermaksud penggunaan surat khabar sebagai bahan pengajaran (tool for instuction) dan pembelajaran bilik darjah. Selain itu, ADD juga berfungsi untuk memupuk kecenderungan dan minat membaca pada kalangan pelajar. Oleh itu, sasaran ADD adalah untuk proses pengajaran dan pembelajaran serta memupuk minat membaca.

Penggunaan akhbar dalam pendidikan melalui konsep ADD didasarkan kepada pelaksanaan Newspaper in Education (NIE) yang popular di Amerika Syarikat dan di beberapa buah negara Eropah, Australia dan New Zealand .

Beberapa 'personel' daripada Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) telah mengadakan tinjauan di beberapa buah negara berkenaan terutama Amerika Syarikat,Kanada dan Australia yang melaksanakan program NIE.

Akhirnya Akhbar The New Straits Times (NST) dan Berita harian merancang untuk mempopularkan konsep itu di negara ini.NST menubuhkan Unit NIE dan Berita Harian menubuhkan Unit Akhbar Dalam Darjah (ADD) dan mula diperkenalkan di sekolah-sekolah untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bermula dari tarikh itu Berita Harian melalui Unit ADD dengan sokongan dan Kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia mengadakan pendedahan Konsep ADD kepada guru dan bakal guru di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, termasuk juga di pusat-pusat pengajian tinggi seperti maktab perguruan, fakulti pendidikan universiti dan Pusat Kegiatan Guru (PKG).

1.3 Kefahaman

Mengikut Oxford Student's Dictionary of Current English : 'Comprehend' ialah 'understand fully (1979 : 120) Ishak Harun memetik definisi yang dibuat oleh Bloom :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Probably the largest general class of intellectual abilities and skills emphasized in schools and colleges are those which involve comprehension. That is , when students are confronted with a communication, they are expected to know what is being communicated and to be able to make some use of material or ideas contained in it."

(1977 : 121)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Bacaan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga(1996: 82) Dewan Bahasa dan Pustaka bacaan ialah memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan kandungannya . Oleh itu , membaca merupakan saluran penting dalam mendapatkan ilmu pengetahuan daripada sumber yang dibaca. Namun lain pula pandangan Safiah Osman mengatakan, " ... apabila seseorang itu dapat memahami apa-apa yang dibaca, ia memperoleh satu alat penting dalam pembelajaran". (1985 : 1)

Namun Pendapat Safiah Osman berbeza pula pandangan menurut Whipple (Carlson, 1972) telah mendefinisikan bacaan kepada dua bahagian, iaitu makna terhad dan luas. Tambahnya lagi membaca mengikut makna yang terhad ialah kebolehan memahami perkataan yang ditulis. Membaca mengikut makna yang lebih luas pula, bermaksud menterjemahkan apa yang terdapat pada bahan bercetak kepada tindakan.

Dengan ini membaca dapat disimpulkan sebagai alat terpenting kepada setiap individu. Kebolehan memahami sesuatu bahan yang dibaca, akan meningkatkan tahap keilmuan dan ketajaman dalam mentafsir maklumat. Membaca bukan sahaja memahami yang tersurat tetapi perlu memahami apa-apa yang tersirat. Maka untuk mencapai tahap bacaan yang tinggi ini, keupayaan guru yang mengajar bahasa terutamanya mengajar bacaan perlulah mengenal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasti bahawa mengembangkan dan meningkatkan tahap kefahaman bacaan para pelajarnya merupakan satu tujuan utama pengajaran. Tidak ada matlamat yang lebih penting selain tahap peningkatan kefahaman bacaan. Oleh itu, guru haruslah sentiasa memikirkan langkah-langkah dan strategi yang sesuai bagi membantu pembaca berpotensi.

1.5 Kefahaman Bacaan

Kefahaman bacaan didefinisikan sebagi satu kebolehan memahami apa yang dibaca dengan sepenuhnya. Membaca juga merupakan satu proses bagi mendapatkan makna daripada komunikasi, sama ada melalui tulisan atau penggunaan simbol yang tertentu dan merangkumi makna yang sesuai, pembentukan generalisasi dan penilaian (Harris & Hodges,1981).

Atan Long (Raminah & Rahim, 1986) pula mendefinisikan kefahaman membaca ialah kebolehan mengenal lambang-lambang dan menterjemah lambang itu kepada bunyi-bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu.

Zalizan Mohd Jelas (1987) mendefinisikan kefahaman bacaan sebagai memahami apa yang ditulis oleh sseseorang pengarang dan penguasaan makna yang terkandung dalam simbol bercetak dan makna dalam konteks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Supki (Jeniri & Aishah, 1989) menyatakan membaca itu sebenarnya merupakan satu proses yang amat kompleks yang melibatkan aspek kognitif, ingatan dan aspek-aspek pemikiran tingkah laku yang lain.

Kesimpulannya berdasarkan definisi-definisi di atas dapatlah dibuat satu rumusan bahawa kefahaman bacaan ialah keupayaan individu mentafsir dan memperoleh maklumat yang dibaca berasaskan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada.

2.0 Pernyataan Masalah

Mohd Amin bin Arshad (1984 : 9) mengatakan bahawa bahan-bahan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah umumnya bahan-bahan yang kurang dikawal sama ada daripada segi pemilihan, penyesuaian dan penggunaannya. Kebanyakan bahan yang digunakan untuk pengajaran bacaan,lisan dan kefahaman serta tatabahasa dipetik daripada buku teks dan diajar terus kepada murid-murid. Oleh itu tidak ada usaha untuk mempelbagaikan penggunaan bahan-bahan pengajaran dan kemahiran bahasa kurang berkesan dan membosankan.

Mohd Helmi Haji Ismail (1982 : 61) mendapati ramai pula antara guru yang bergantung kepada buku-buku teks dalam pengajaran mereka dan segera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahu menamatkan sukatan pelajaran kerana hendak menyediakan murid-muridnya menghadapi peperiksaan yang sudah tentu berdasarkan sukatan pelajaran. Akibatnya murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Apatah lagi untuk menyatakan fikiran dengan perasaannya, baik secara lisan, tulisan mahupun melalui bacaan.

Kemahiran bacaan perlu juga diberi keutamaan yang sama antara kemahiran-kemahiran yang lain . Kemahiran bahasa yang lain akan dapat dikuasai dengan baik apabila kemahiran ini dapat dikuasai dengan sempurna. Kelemahan aspek bacaan pelajar menjadi bertambah nyata apabila guru bahasa yang tidak kreatif sifatnya, tidak berusaha pula untuk membaiki kelemahan pelajar kerana kekurangan idea dan latihan.Akibatnya guru bahasa tersebut menjadi bosan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa menjadi mata pelajaran yang membebankan guru dan murid sendiri. Kelemahan yang wujud inilah yang menyebabkan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Melayu (1981 : 95-97) menyenaraikan faktor berkenaan :

i. Terdapat sebilangan guru yang tidak menerima latihan khas untuk guru bahasa tetapi ditugaskan mengajar bahasa

ii. Ada guru yang tidak dapat mentafsirkan kehendak sukatan pelajaran dengan tepat, sehingga mutu pengajaran terjejas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pergantungan yang terlalu kuat kepada buku teks dan untuk tujuan peperiksaan, sehingga menjejaskan kemahiran berbahasa sebagai unsur sosial dalam masyarakat.

iv. Kegagalan membezakan laras-laras bahasa yang berbeza-beza sehinggakan murid-murid tidak tahu membezakan variasi bahasa bagi situasi-situasi yang berlainan.

v. Buku-buku teks yang tidak menepati falsafah pendidikan bahasa sebagai satu kemahiran yang menyeluruh tetapi sebaliknya menekankan kemahiran unsur-unsur bahasa tertentu sebagai cirri-ciri penting, misalnya menghafalkan fungsi-fungsi awalan, atau penggunaan ungkapan dan peribahasa tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perkara (iii) laporan tersebut mendapati bahawa guru bahasa bergantung kepada buku teks. Guru-guru tidak mahu menggunakan alatan atau media yang murah seperti akhbar. Pemilihan akhbar sebagai bahan pengajaran bahasa, khususnya untuk mengajarkan kemahiran bacaan adalah sesuai kerana akhbar-akhbar selain harganya murah dan senang pula diperoleh, menyediakan bahan-bahan yang berbentuk rencana dan gambar terbaru, segar, menarik dan menghiburkan. Media cetak ini boleh mempertingkatkan motivasi pelajar kerana bahan yang disiarkan mengandungi pelbagai unsur pendidikan dan hiburan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan bahan pengajaran dan untuk mengelakkan guru terlalu bergantung kepada buku teks semata-mata adalah dengan menggunakan bahan daripada akhbar. Semua orang membaca akhbar, baik guru mahupun murid. Selalunya akhbar ini diketepikan setelah dibaca atau disimpan begitu sahaja. Akhbar yang sudah dibaca ini tidak digunakan sepenuhnya dalam pengajaran. Kamarudin Haji Husin (1986 : 154) mengatakan bahawa potongan akhbar tentang sesebuah rencana, berita, pengumuman iklan dan sebagainya boleh dijadikan bahan dan alat untuk pengajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan. Rencana , cerpen,sajak dan iklan di akhbar sesuai untuk mewujudkan aktiviti membaca dan memaham yang menarik.

Menurut Taha Abdul Kadir (1986), surat khabar adalah sesuai dan penting sebagai salah satu sumber pembelajaran. Maklumat yang disediakan terdapat dalam akhbar adalah lebih luas, kemas kini dan cepat tersebar berbanding dengan buku teks yang kadang-kadang kandungannya kurang tepat dan ketinggalan zaman. Memandangkan maklumat yang didedahkan kepada pelajar adalah terbaru berbanding dengan maklumat yang terdapat dalam buku teks, maka secara langsung guru-guru bahasa dapat melatih murid-murid berfikir secara kritikal dan logik terhadap isu bahasa. Latihan dan aktiviti bacaan berdasarkan bahan ini sudah pasti pula menjadi asas kepada aktiviti bahasa yang lain seperti lisan dan menulis dengan lebih menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengajar bahasa lebih berkesan menarik jika semua bahan bantu lain digunakan.Radio, kaset, televisyen, video,slaid, makmal bahasa, lutsinar dan 'overhead projector' (OHP) boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru bahasa. Sesetengah guru bahasa tidak pula mengambil kesempatan ini untuk digunakan dalam pengajaran.Ahmad bin Haji Mohd Tahir (1982 : 117) mendapati sungguhpun kemudahan mendapatkan alat-alat ini ada di sekolah, namun guru Bahasa Melayu tidak mengambil kesempatan untuk menggunakannya. Ada beberapa sebab yang menjadikan hal ini berlaku pada pandangan pendidik. Terdapat guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan setengah-setengah daripada alat-alat bantu mengajar ini. Di samping itu masalah kekangan masa dan kemudahan untuk menggunakannya juga menjadi faktor wujudnya keadaan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan akhbar untuk mewujudkan aktiviti bacaan dan memahami dalam pengajaran bahasa dikira sebagai pilihan mudah oleh guru-guru bahasa untuk mengatasi masalah penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan akhbar dicadangkan memandangkan harganya murah, mudah didapati, tidak memakan masa yang panjang untuk menyediakan atau disesuaikan dengan objektif pengajaran membaca dan memahami. Penggunaan akhbar ini juga diharapkan dapat mengubah sikap guru yang menganggap bahawa aktiviti bacan kefahaman menyukarkan guru. Guru tidak menitikberatkan aktiviti bacaan kefahaman mungkin kerana lebih mementingkan isi pelajaran yang hendak diajarkan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah pelaksanaan aktiviti bacaan kefahaman dalam bilik darjah ini mendapat perhatian kerana pelaksanaan dalam kelas tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Pelaksanaan pengajaran kemahiran bacaan dalam kelas tidak mencapai matlamat seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran. Kesannya ialah pelajar-pelajar sukar untuk memahami apa-apa yang dibaca. Malah yang lebih menonjol ialah terdapatnya jurang maklumat yang ada antara murid-murid dengan guru dan juga dengan orang dewasa Kesemuanya ini berpunca daripada persekitaran rumah dan sekolah yang tidak membimbing murid-murid memperbaiki keupayaan memahami terhadap sesuatu bahan bacaan yang dibaca oleh mereka.

3.0 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari hakikat yang wujud di sekolah-sekolah berdasarkan permasalahan yang timbul, maka kajian ini dilakukan untuk mencapai dan memenuhi objektif-objektif yang berikut :

i. Melihat keberkesanan terhadap bacaan murid melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan menggunakan ADD

ii. Melihat kesesuaian akhbar yang boleh digunakan untuk membentuk aktiviti membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Membuat cadangan langkah-langkah mengadakan aktiviti-aktiviti membaca berdasarkan bahan-bahan akhbar.

iv. Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui penggunaan ADD di bilik darjah.

v. Membuat cadangan langkah-langkah mengatasi masalah yang timbul daripada mengadakan aktiviti membaca menggunakan bahan akhbar.

4.0 Soalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan tahap pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan dua jenis bahan bantu mengajar iaitu yang menggunakan surat khabar dan buku teks. Asas kepada persoalan ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan.

4.1.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post ?

4.1.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi ?

4.1.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post ?

4.1.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pran dengan ujian post ?

4.1.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post ?

4.1.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalamujian pra dengan ujian post ?

4.1.9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ?

5.0 Hipotesis Kajian

Secara khususnya kajian ini akan menjawab hipotesis kajian yang berikut :

5.1.1 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post.

5.1.2 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi.

5.1.4 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.5 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post

5.1.6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post

5.1.7 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.8 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.9 Terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam uian pra dengan ujian post.

6.0 Hipotesis Nul

Kajian ini juga bertujuan untuk menguji hipotesis nul kajian yang berikut :

6.1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post.

6.1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

6.1.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1.9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dan ujian post.

7.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hasil kajian Awang Had Salleh (Mohd Amin Arshad, 1984 : 9) mendapati 84.4 % guru mengakui mereka tidak pernah atau jarang menggunakan potongan akhbar atau komik untuk dijadikan bahan pengajaran. Demikian juga dengan perbincangan hal-hal semasa, amat sedikit bilangan guru yang menjalankannya iaitu 10.53 % . Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan bahan pengajaran amat terbatas.

Guru bahasa atau guru mata pelajaran yang lain yang mengajar Bahasa Malaysia diharap dapat melihat bagaimana bahan daripada akhbar boleh dieksploitasi bagi menimbulkan aktiviti membaca. Mereka juga diharapkan apabila menggunakan bahan-bahan ini nanti, akan berasa seronok dan boleh menghindarkan rasa bosan ketika mengajar. Bagi murid-murid pula, penggunaan akhbar ini dapat menjadi satu motivasi untuk menghasilkan aktiviti membaca yang menarik. Di samping mereka gemar akan mata pelajaran ini, penggunaan bahan ini juga diharapkan dapat menajamkan lagi daya fikir mereka, di samping

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka belajar untuk menghadapi peperiksaan, aktiviti-aktiviti membaca berdasarkan bahan akhbar ini diharap dapat melatih para murid menjadi murid yang aktif dan boleh menyambut sebarang pernyataan atau persoalan dengan tepat dan jelas.

Diharap juga penekanan terhadap peperiksaan semata-mata dapat diubah kerana matlamat pendidikan bahasa mencakup aspek yang lebih luas daripada itu. Dalam hal ini, Burnsiston Christable pernah menyatakan bahawa :

"The stress on written examinations in the past has tended to make us lose sight of the fact that there are far more occasions when we have to speak effectively and listen sincerely than read and write well."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Burnsiston Christable, 1966 : 1)

Didapati juga pelajar pada peringkat sekolah rendah sekarang ini sudah mula membaca akhbar secara kritis. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru Bahasa Melayu membimbing pelajar supaya minat membaca ini diteruskan dan mendidik mereka supaya memahami apa yang dibaca bersesuaian dengan umur dan tahap keupayaan dan kecerdasan. Oleh yang demikian , tabiat gemar membaca ini dapat dipertingkatkan dan dikekalkan. Berdasarkan kajian Mohammad Zainuddin Hashim (1982 : 89) didapati selain daripada buku teks dan nota sekolah, pelajar cenderung dan sering membaca suratkhabar. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mungkin kerana bahan bacaan itu mudah diperolehi. Di samping itu, berita, rencana, gambar dan pelbagai maklumat lain dalam akhbar dapat digunakan untuk mengasah dan menajamkan pemikiran mereka.

Kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pihak bahawa akhbar boleh membantu pengajaran membaca di sekolah. Di samping akhbar di keluarkan untuk tujuan komersial dan mempunyai matlamat untuk menyampaikan pandangan dan hasrat pemerintah , bahan-bahan yang tersiar dapat juga di manfaatkan untuk tujuan pendidikan . Rencana, gambar dan kartun yang disiarkan melalui akhbar memaparkan aspek kehidupan rakyat dalam semua bidang. Daripada bahan-bahan yang tersiar inilah tersirat matlamat untuk mendidik masyarakat ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Guru bahasa yang peka dan prihatin sudah tentu akan menggunakan peluang ini untuk mendidik pelajar-pelajarnya ke arah yang sama melalui kegiatan membaca yang menyeronokkan.

8.0 Skop Kajian

Sekolah Rendah Kebangsaan Pendita Zaaba Tapah Road, Perak dipilih sebagai bahan kajian kerana sekolah ini menggunakan ADD sebagai bahan pengajaran dan pembelajarannya. Justeru kajian ini tertumpu kepada penggunaan akhbar berbahasa Melayu sahaja. Akhbar tersebut ialah Akhbar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Didik dijadikan bahan kajian kerana Akhbar Didik ini mempunyai jumlah pembaca yang ramai terutamanya murid-murid sekolah rendah. Bahan-bahan daripada akhbar ini dipilih untuk dijadikan cadangan pengajaran aktiviti membaca berdasarkan pertimbangan-pertimbangan daripada segi :

i. Murid-murid

ii. Objektif pengajaran membaca

iii. Masa pengajaran

Penggunaan akhbar ini terbatas kepada pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu dan tumpuan khas diberikan kepada perlaksanaan aktiviti membaca. Aktiviti membaca ini juga dicadangkan kepada murid-murid peringkat sekolah rendah sahaja. Peringkat ini merupakan peringkat peralihan daripada tahap satu ke tahap dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Penggunaan bahan akhbar dalam pendidikan di Malaysia sudah menjadi sebagai satu metodologi pengajaran dan pembelajaran oleh para pendidik. Penggunaan bahan akhbar bukanlah perkara baru dalam dunia pendidikan kita. Bahan ini digunakan oleh guru-guru secara langsung atau tidak secara langsung sejak zaman sebelum merdeka lagi. Guru-guru menggunakannya dengan pelbagai cara dan pendekatan mengikut kepakaran masing-masing. Sebenarnya apa-apa sahaja kaedah dan pendekatan yang digunakan adalah sesuai asalkan matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Mengikut pandangan umum tentang Akhbar Dalam Darjah, (ADD) dalam pendidikan bermaksud penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dengan kata lain ADD juga berfungsi untuk memupuk kecenderungan dan minat membaca dikalangan murid sekolah rendah dan menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Ciri-ciri Akhbar Yang Baik

Penggunaan bahan yang sesuai dan menarik perhatian adalah penting bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, terutama dalam aspek bacaan dan kefahaman. Bahan faktor terpenting menentukan kejayaan pembelajaran dan boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan untuk mengetahui sesuatu aspek dengan lebih mendalam serta menjadi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik.

Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran kadangkala dianggap sebagai media pengajarannya dan membolehkan murid mendapat ilmu pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap yang baik. Proses pemilihan bahan-bahan pengajaran hendaklah sesuai dengan objektif pengajaran yang seharusnya selaras dengan kehendak dan matlamat Sukatan Pelajaran dan Objektif Pendidikan Negara secara keseluruhannya. (Kamaruddin Hj. Husin, 1992 : 33)

Menurut Kamaruddin Haji Husin (1992 : 33) , untuk menyediakan bahan-bahan yang sesuai dalam sesuatu situasi pembelajaran itu, guru perlu terlebih dahulu memproses bahan-bahan tersebut sebelum digunakan. Beberapa langkah boleh digunakan dalam pemprosesan ini umpamanya proses memilih , mengolah, membina, menggunakan dan seterusnya menilai bahan-bahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh digunakan. Proses ini merupakan satu proses yang berterusan, dan ia dilakukan berdasarkan kriteria pemilihan bahan yang telah ditetapkan.

Menurut Murray dan Swartout (1983). bahan pengajaran untuk sekolah-sekolah perlulah diambil daripada berbagai-bagai sumber. Guru harus memilih bahan pengajaran daripada berbagai sumber seperti akhbar dan seterusnya mengintegrasikannya menjadi kesatuan bahan pengajaran yang sesuai dengan keperluan murid. Setiap bahan pengajaran harus mempunyai ciri-ciri daya komunikatif. Dilihat daripada satu segi, bahan yang sesuai akan merangsang pelajar untuk belajar dan dari segi lain pula bahan ini juga perlu ada ciri-ciri motivasi supaya murid-murid terus belajar. Hanya bahan pengajaran yang berdaya komunikatif tinggi mampu membantu pelajar memperoleh pengalaman murid yang bermanfaat bagi menggembangkan sikap ilmiah dan sikap sosial, kematangan emosi dan daya menilai mereka.

Menurut Teuku Iskandar (1994 : 354), bahan ialah kata-kata yang akan diperbincangkan atau diajar. Bahan pengajaran merangkumi bahan yang diteruskan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Widdowson (1981 : 80) mendefinisikan bahan autentik seperti akhbar sebagai bahan sebenar atau asli yang melibatkan secara langsung penggunaan bahan di dalam pengajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hornby (1994 : 51) di dalam bukunya Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English menyatakan 'autentik' sebagai 'genuine' ; know to be true. Manakala Teuku Iskandar (1992 : 59) menerangkan bahawa 'autentik' bermaksud '.....dapat dipercayai' atau dijadikan bahan pengayaan yang asli dan sebenar (bukan palsu, rekaan dan sebagainya).

Jadi jelaslah bahawa ciri teks akhbar ialah bahan-bahan sebenar. Dalam konteks penyelidikan ini, bahan-bahan dalam akhbar dapatlah dinyatakan sebagai bahan yang sebenar yang melibatkan penggunaan bahasa yang terhasil, mudah didapati dan mudah digunakan serta merupakan bahan yang murah dan boleh dijadikan tanpa perlu mengeluarkan kos yang banyak.

Bert (1985) berpendapat segala teks bacaan yang diperoleh daripada akhbar dan majalah boleh menimbulkan kemahiran membaca serta dapat memupuk dan memperkembangkan minat membaca pada kalangan murid-murid. Ini bermakna kandungan sesuatu teks bacaan itu perlu ada kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh diperoleh oleh murid-murid. Apabila kemahiran-kemahiran ini dapat dikuasai oleh mereka maka bahan bacaan ini akan menjadi lebih menarik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Berger (dalam Mohd Zainuddin Hashim : 1994 : 4) membaca boleh memenuhi minat , keinginan dan aspirasi-aspirasi melalui pemilihan bahan bacaan. Akhbar dan majalah-majalah dapat mengukuhkan keupayaan kritikalnya dan individu-individu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut boleh memilih dengan bijak bahan-bahan yang terdapat daripada media massa.

2.2 Keberkesanan ADD

Kajian secara mendalam tentang penggunaan akhbar dalam pengajaran lisan belum lagi dijalankan di Malaysia. Kajian secara khusus tentang perkara ini belum lagi ditemui tetapi kajian yang berkaitan dengan penggunaan akhbar dalam pengajaran bahasa secara am boleh didapati dalam bentuk kertas kerja , laporan dan buku. Kajian-kajian yang berkaitan dengan pemakaian bahasa dalam akhbar , akhbar sebagai bahan bacaan dan peranan akhbar dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu boleh didapati dalam bentuk penulisan ilmiah, laporan Kementerian, kertas kerja dan jurnal. Kajian yang dibuat di barat juga menunjukkan tumpuan kepada bidang pendidikan.

Kajian awal oleh Frendrick (1941) , Walls (1948) Burns (1955)dan Ellis (1969) mendapati akhbar telah memainkan peranan dalam proses pembelajaran. Dalam kajian Walls (1948 : 26-40) di dapati bahawa tabiat membaca dan sekurang-kurang melihat surat khabar satu amalan yang sering dilakukan oleh remaja pada peringkat permulaan dan pertengahan.

Setiap akhbar mempunyai ruangan tertentu , termasuklah ruang pendidikan. Dalam hal ini , Sulaiman Masri (1983 : 69) kenyataan akhbar juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berperanan sebagai pendidik dan penggalak.Dalam akhbar ada ruangan-ruangan khas yang menyiarkan perkembangan pelajaran dan tunjuk ajar. Sebagai pendidik, Utusan Malaysia mempunyai ruang 'Renungan' dan 'Bimbingan Agama'. Begitu juga bagi mata pelajaran lain seperti ekonomi, mempunyai ruangan yang tersendiri.

Bagi Kamarudin Haji Husin pula (1993 : 259) potongan akhbar mengenai sesuatu berita, rencana, iklan, pengumuman dan sebagainya dapat dijadikan bahan dan alat untuk pengajaran Bahasa Malaysia yang berkesan.Dalam pengajaran tulisan misalnya, potongan akhbar boleh dijadikan bahan untuk menarik minat pelajar sebelum pengajaran itu bermula. Potongan akhbar yang mengandungi gambar-gambar mengenai banjir, perkebunan dan sebagainya dapat dijadikan bahan rangsangan. Selepas memerhati gambar-gambar tadi , guru boleh meminta murid-murid menulis karangan yang berkaitan dengan gambar yang ditunjukkan itu.

Sungguhpun ada pihak tertentu yang mengambil inisiatif untuk mewujudkan program pendidikan melalui akhbar, masih ada pihak lain yang terlibat secara langsung dalam pengajaran tidak mengambil tahu tentang hal ini.Sebagai contoh Berita Harian ada menjalankan program pendidikannya yang dipanggil 'Akhbar Dalam Darjah (ADD) . Tetapi mengikut kata Abd. Rahman Abd. Rashid (1987)melalui akhbar yang sama bertarikh 23 Jun 1987 , walaupun satu bengkel ADD pernah diadakan di sekolah itu, guru-guru tidak pernah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan kaedah ADD dan jarang menggunakan potongan akhbar dalam pengajaran mereka. Kebanyakan responden 87.5% selalu menggunakan buku teks dan papan kapur semasa mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah dan prosedur kajian. Perenggan 3.1 menghuraikan reka bentuk kajian. Bagi perenggan 3.2 pula menghuraikan sample dan populasi kajian, manakala perenggan 3.3 membincangkan aspek instrumen kajian. Perenggan 3.4 menghuraikan kajian rintis yang telah dijalankan, sementara perenggan 3.5 menjelaskan prosedur kajian . Perenggan terakhir, iaitu perenggan 3.6 menjelaskan bagaimana data-data yang telah dikumpulkan dalam kajian ini dianalisiskan.


3.1 Reka Bentuk Kajian

Bentuk kajian yang paling sesuai dijalankan ialah kajian eksperimen. Hal ini kerana kajian eksperimental ini dapat membuktikan adakah penggunaan ADD dapat meningkatkan kemahiran dan kefahaman bacaan murid berbanding dengan pengajaran biasa (buku teks) di bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian eksperimen ini menggunakan reka bentuk kajian Ujian Pra dan Ujian Post. Menurut Wiersma (1991) kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan model kuasi-eksperimen. Reka bentuk ini boleh dinyatakan seperti di bawah.



Rajah 3.1.1 : Reka bentuk penyelidikan kuasi eksperimen model Wiersma.

(disesuaikan daripada Wiersma 1991 : 139)

Singkatan : G 1 : Kumpulan rawatan

G 2 : Kumpulan kawalan

X 1 : Rawatan berasaskan buku teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

X 2 : Rawatan berasaskan buku teks

O 1 : Ujian Pra

O 2 : Ujian Post

Berdasarkan rajah di atas ternyata bahawa respon kajian dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan diberi ujian pra sebelum mereka menerima rawatan melalui pengajaran menggunakan ADD (untuk kumpulan eksperimental) dan pengajaran menggunakan buku teks (bagi kumpulan kawalan) . selepas rawatan kedua-dua kumpulan ini diberi ujian post bagi menentukan kesan rawatan dalam kedua-dua jenis bahan terhadap kefahaman bacaan para pelajar dalam kumpulan berkenaan. Rawatan yang diberikan kepada kedua-dua kumpulan ini adalah selama lima hari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah bahan Bantu mengajar yang digunakan, sementara pembolehubah bersandar ialah pencapaian pelajar dalam kefahaman bacaan. Rawatan dalam kedua-dua kumpulan ini diberi oleh seorang guru bagi memastikan kesan pembolehubah guru dapat dikawal supaya menjadi 'konstan' . Melalui cara ini pengkaji dapat menentukan kesan pembolehubah bebas iaitu bahan bantu mengajar (penggunaan ADD dan buku teks) terhadap pembolehubah bersandar, iaitu pencapaian pelajar dalam kefahaman bacaan di kedua-dua kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Sampel dan Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 60 orang murid yang berbeza pencapaiannya berdasarkan peperiksaan dan ujian bulanan yang di capai oleh murid-murid . Populasi daripada para murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba ,Tapah Road, Perak. Pelajar terbahagi kepada dua kumpulan (dua kelas), iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran pengkajian, pengkaji telah menamakan kedua-dua kelas tersebut. Kelas-kelas mereka dinamakan Tahun 4 Dinamik bagi kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan ADD. Sementara Tahun 4 Progresif pula merupakan kawalan yang diajarkan menggunakan buku teks.

Secara keseluruhan murid-murid di Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba, Tapah Road, Perak , telah menduduki peperiksaan penggal pertama. Pengkaji mengadakan perbincangan dengan guru-guru tahun empat bagi memilih murid untuk dibuat kajian. Setelah berbincang dengan setiap guru kelas, dan berdasarkan pencapaian markah mereka,maka keputusannya murid yang mendapat antara 45 % hingg 60 % adalah pilih. Murid-murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai latar belakang penguasaan Bahasa Melayunya sederhana sebagaimana yang telah dijelaskan oleh guru mereka dalam perbincangan dengan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disamping itu juga hampir keseluruhan murid-murid yang dikaji ini tinggal di sekitar pinggir pekan Tapah Road Ibu bapa atau penjaga mereka kebanyakannya bertugas sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan (guru, peniaga , polis dan tentera).

3.3 Instrumen Kajian

Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk mengumpul data mengenai pencapaian kefahaman bacaan murid , maka kajian ini dijalankan secara kuasai eksperimen dan satu set ujian disediakan oleh penyelidik. Sebelum memulakan pengajaran, soalan disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji. Untuk kumpulan eksperimental, bahan rawatan dipetik daripada Akhbar Didik , manakala kumpulan kawalan bahan diambil daripada buku teks. Ujian tersebut akan dibuat sebanyak dua kali yang melibatkan Ujian Pra dan Ujian Post, setiap petikan ujian mengandungi 6 soalan yang berbentuk subjektif. Soalan ini terbahagi kepada dua aras , iaitu aras mudah dan aras tinggi. Soalan dibentuk demikian rupa untuk menguji tahap pencapaian murid-murid adakah terdapat perbezaan yang ketara antara aras mudah dengan aras tinggi. Pembinaan soalan berdasarkan Taksonomi Bloom bagi menyediakan soalan-soalan ujian , penyelidik akan membuat rujukan terhadap akhbar yang dipilih iaitu Akhbar Didik, buku-buku teks serta perbincangan dengan penyelia dan guru-guru bahasa Melayu tahun empat di sekolah terbabit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Prosedur Kajian

Dalam bahagian ini, rancangan kajian dirancang dengan mengikut urusan yang sesuai serta dapat membantu dalam menggendalikan kajian. Rumusan kepada perancangan prosedur ini ialah persediaan, pengumpulan data, pemprosesan data. penganalisisan data dan dapatan kajian . Perkara tersebut dinyatakan dengan lebih lanjut dalam perbincangan yang berikutnya. Tahap pertama dalam menjalankan kajian ini ialah persediaan untuk mengkaji. Dalam aspek ini , pengkaji akan mengenal pasti masalah membuat rujukan, menentukan prosedur kajian, membina alat kajian, dan memohon kebenaran untuk melaksanakan kajian daripada pihak yang berwajib.

Pada tahap pengumpulan data pula , pengkaji akan memilih sampel , melaksanakan Ujian Pra , melaksanakan rawatan terhadap kumpulan-kumpulan yang dipilih, menjalankan Ujian Post dan memungut data–data yang berkenaan.

Pada tahap ketiga pula pengkaji akan membuat penganalisisan data dengan menggunakan perisian SPSS Version 7.5 For Windows . Pengkaji akan membuat tafsiran terhadap data daripada analisis tersebut. Manakala peringkat akhir, pengkaji membuat rumusan daripada hasil dapatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum memulakan pendidikan , pengkaji perlulah mendapatkan kebenaran daripada Guru Besar Sekolah Kebangsaan (I) Tapah, Perak Darul Ridzuan, dan guru-guru kanan terlebih dahulu.

Setelah berbincang dan mendapat kebenaran dengan pihak pentadbir , penyelidik berbincang dengan guru bahasa Melayu tahun empat seramai 3 orang yang membantu sepanjang proses penyelidik. Guru ini akan membantu di peringkat Ujian Pra , peringkat menjalankan pengajaran dan pembelajaran, dan akhirnya peringkat Ujian Post . Penyelidik meminta guru Tahun Empat menjalankan pengajaran dan pembelajaran untuk kumpulamn kawalan dan kumpulan eksperimen di bilik darjah . Apabila semua proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan ADD bagi kumpulan eksperimen dan menggunakan buku teks bagi kumpulan kawalan selesai , Ujian Post diberikan kepada murid-murid bagi kedua-dua kumpulan

3.5 Penganalisisan Data

Untuk menganalisis data , pengkaji akan menggunakan markat-markat yang diperoleh daripada latihan kefahaman bacaan yang telah diberikan. Data-data yang diperoleh akan dianalisis menggnakan perisian SPSS Version 7.5 For Windows.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penganalisisan data akan dijalankan secara statistik deskriptif dengan menggunakan Ujian – t yang akan didasarkan pada aras signifikan 0.05 untuk menerima atau menolak persoalan kajian.

Formula yang akan digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut :

$$t = \frac{X_A - X_B}{\sqrt{\left(\frac{SS1 + SS2}{n_A + n_B - 2}\right)\left(\frac{1}{n_A} + \frac{1}{n_B}\right)}}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

X_A = min kumpulan Satu

X_B = min kumpulan dua

SS 1 = Varians kumpulan satu

SS 2 = Varians kumpulan dua

n_A = Jumlah sampel daklam kumpulan satu

n_B = Jumlah sampel dalam kumpulan dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini mengemukakan dapatan analisis data markat pencapaian kefahaman bacaan subjek dalam kajian . Perenggan 4.1 menghuraikan markat keseluruhan pencapaian kefahaman bacaan pelajar kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian post. Sementara perenggan 4.2 menghuraikan markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post.

Perenggan 4.3 menghuraikan markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post. Markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post dinyatakan dalam perenggan 4.4 Markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post pula dinyatakan dalam perenggan 4.5 Sementara itu , markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post dinyatakan dalam perenggan 4.6 Markat pencapaian kefahaman bacaan pelajar dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post pula dihuraikan dalam perenggan 4.7 Perenggan 4.8 pula menghuraikan markat pencapaian kefahaman bacaan pelajar dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post. Akhir skala markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post dinyatakan dalam perenggan 4.9.

4.1 Pencapaian keseluruhan kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dalam ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1.1 menunjukkan markat pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dalam ujian post. Min pencapaian pelajar kumpulan eksperimental ialah 6.08 , SL = 1.75 dan min pencapaian kumpulan kawalan ialah 5.02 , SL = 0.83 . Hal ini bermakna pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan eksperimental lebih tinggi daripada pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1.1

Min dan Sisihan Lazim (SL) markat keseluruhan kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dalam ujian post

Ujian	Kumpulan	Min	SL
Post	Eksperimental	6.08	1.75
	Kawalan	5.02	0.83

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1.2 keputusan ujian t menunjukkan perbezaan pencapaian keseluruhan murid kumpulan eksperimental dengan pencapaian keseluruhan murid kumpulan kawalan dalam ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian pelajar kumpulan eksperimental dengan min pencapaian murid kumpulan kawalan , nilai t = 4.26 . Ini bermakna penggunaan ADD sebagai bahan bantu mengajar lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan murid. Oleh itu hipotesis nul 1.6.1 **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post ditolak .**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1.2

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat keseluruhan kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dalam ujian post

Ujian	Kumpulan	Min	Nilai - t
Post	Eksperimental	6.08	4.26
	Kawalan	5.02	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post

Jadual 4.2.1 menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post. Daripada jadual ini , min pencapaian pelajar kumpulan eksperimental dalam ujian post ialah 2.88 , SL = 0.32 dan min pencapaian kumpulan kawalan ialah 2.87 , SL = 0.34 . Hal ini bermakna pencapaian kedua-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dua kumpulan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan kerana ke dua-dua kumpulan dapat menjawab soalan aras mudah (rujuk lampiran)

Jadual 4.2.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post .

Ujian	Kumpulan	Min	SL
Post	Eksperimental	2.88	0.32
	Kawalan	2.87	0.34

Jadual 4.2.2 keputusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian murid kumpulan eksperimental dengan pencapaian pelajar kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post. Daripada jadual ini , ternyata bahawa tidak terdapat perbezaan yang signufikan antara min pencapaian pelajar kumpulan eksperimental dengan min pencapaian murid bagi kumpulan kawalan dengan nilai t = 0.27 . Hal ini bermakna penggunaan ADD dan buku teks sebagai bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bantu mengajar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalm meningkatakan pencapaian kefahaman bacaan murid bagi soalan aras mudah. Oleh itu , hipotesis nul 1.6.2 **tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post diterima.**

Jadual 4.2.2

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post .

Ujian	Kumpulan	Min	Nilai – t
Post	Eksperimental	2.88	0.27
	Kawalan	2.87	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post.

Jadual 4.3.1 menunjukkan markat pencapaian murid kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan dalam ujian post . Min pencapaian pelajar kumpulan eksperimental ialah 3.20 , SL = 1.67 , dan min pencapaian kumpulan kawalan ialah 2.15 , SL = 0.82 . Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi lebih tinggi daripada pencapaian pelajar kumpulan kawalan.

4.3.1 Min dan sisihan lazim (SL) markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian	Kumpulan	Min	SL
Post	Eksperimental	3.20	1.67
	Kawalan	2.15	0.82

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.2 keputusan ujian t menunjukkan perbezaan pencapaian murid kumpulan eksperimental dengan pencapaian murid kumpulan kawalan dalam ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian murid kumpulan eksperimental berbanding dengan min pencapaian murid kumpulan kawalan , nilai t = 4.38 . Hal ini bermakna penggunaan ADD sebagai bahan bantu mengajar lebih berkesan dalam meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan murid bagi soalan aras tinggi. Oleh itu hipotesis nul 1.6.3 **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pos ditolak.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.2.

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post.

Ujian	Kumpulan	Min	Nilai – t
Post	Eksperimental	3.20	4.38
	Kawalan	2.15	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post.

Jadual 4.4.1 menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa min pencapaian murid yang menggunakan ADD dalam ujian pra ialah 10.50 , SL = 0.73 , sementara min pencapaian dalam ujian post ialah 13.67 , SL = 0.71 . Daripada data ini ternyata bahawa terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan akhbar dalam ujian post , iaitu setelah mendapat rawatan selama lima hari.

Jadual 4.4.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post.

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	ADD	10.50	0.73
Post		13.67	0.71

Setelah ditafsirkan ujian t di antara markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar dalam ujian pra dan ujian post didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua min dan nilai t = 26.78 . Ini bermakna rawatan yang diberikan kepada murid-murid yang menggunakan ADD sebagai bahan bantu mengajar berkesan bagi meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan murid . Oleh itu hipotesis nul 1.6.4 , iaitu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post ditolak.

Jadual 4.4.2

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat kefahaman bacaan pelajar menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post .

Ujian	Bahan	Min	Nilai - t
Pra	ADD	10.50	26.78
Post		13.67	

4.5 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post

Jadual 4.5.1 menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa min pencapaian pelajar yang menggunakan buku teks dalam ujian pra ialah 10.70 , SL = 0.70 , sementara min pencapaian dalam ujian post

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah 11.40 , SL = 0.89 . Daripada data ini menunjukkan bahawa kumpulan kawalan menggunakan buku teks juga menghasilkan peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid.

Jadual 4.5.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post.

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	Buku Teks	10.70	0.70
Post		11.40	0.89

Jadual 4.5.2 di bawah keputusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian dalam ujian pra dan ujian post , nilai t = 4. 58. Ini bermakna bahawa bahan bantu mengajar yang menggunakan buku teks juga dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Walaubagaimanapun pencapaian ini tidak setinggi pencapaian yang diperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh para pelajar yang menerima rawatan menggunakan ADD . Oleh itu hipotesisi nul 1.6.5 iaitu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post ditolak.**

Jadual 4.5.2.

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post.

Ujian	Bahan	Min	Nilai-t
Pra	Buku teks	10.70	4.58
Post		11.40	

4.6 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post

Jadual 4.6.1 di bawah menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dan ujian post. Berdasarkan jadual ini ternyata bahawa min pencapaian pelajar yang menggunakan ADD dalam ujian pra ialah 5.77 , SL = 0.43 ,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala min pencapaian dalam ujian post ialah 6.00 , SL = 0.00 . Daripada data ini ternyata bahawa terdapat peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan ADD berdasarkan ujian post , iaitu setelah mendapat rawatan selama lima hari.

Jadual 4.6.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat kefahaman bacaan pelajar menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan post .

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	ADD	5.77	0.43
Post		6.00	0.00

Jadual 4.6.2 di bawah keputusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapain kefahaman bacaan pelajar menggunakan akhbar dalam ujian pra dan ujian post. Daripada jadual ini ternyata bahawa terdaapat perbezaan yang signifikan anatara min pencapaian dalam ujian pra dan ujian post , nilai t = 2.97 . Ini bermakna bahawa rawatan yang di berikan kepada pelajar yang menggunakan ADD sebagai bahan bantu mengajar berkesan lagi meningkatkan pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman bacaan pelajar. Oleh itu hipotesis nul 1.6.6 , iaiatu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan pelajar dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post ditolak .**

Jadual 4.6. 2

Ujian – t bagi menunjukan perbezaan markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post.

Ujian	Bahan	Min	Nilai- t
Pra	ADD	5.77	2.97
Post		6.00	

4.7 **Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.**

Jadual 4.7.1 di bawah menunjukkan , min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dan ujian post. Berdasarkan jadual ini ternyata bahawa min pencapaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid yang menggunakan ADD dalam ujian pra ialah 4.73 , SL = 0.83 manakala min pencapaian dalam ujian post ialah 7.67 , SL = 0.71 . Daripada data ini ternyata bahawa terdapat peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid-murid yang menggunakan ADD berdasarkan ujian post , iaitu selepas mendapat rawatan selama lima hari.

Jadual 4.7.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat kefahaman murid dengan menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan post.

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	ADD	4.73	0.83
Post		7.67	0.71

Jadual 4.7.2 keputusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar dalam ujian pra dan ujian post. Daripada jadual ini membuktikan bahawa terdapat perbezakan yang signifikan anatar min pencapaian dalam ujian pra dan ujian post, nilai t = 25.12 Peningkatan yang jauh lebih tinggi berbanding peningkatan bagi soalan aras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mudah, ini bermakna bahawa rawatan yang diberikan kepada murid yang menggunakan ADD sebagai bahan bantu mengajar berkesan bagi meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan murid. Oleh itu hipotesis nul 1.6.7, iaitu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ditolak .**

Jadual 4.7.2

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat kefahaman bacaan murid menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian	Bahan	Min	Nilai –t
Pra	ADD	4.73	25.12
Post		7.67	

4.8 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8.1 menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post. Berpandukan jadual ini jelas menunjukkan bahawa min pencapaian pelajar yang menggunakan buku teks dalam ujian pra ialah 5.73 , SL = 0.45 , manakala min pencapaian dalam ujian post ialah 6.00 , SL = 0.00 . daripada data ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid yang menggunakan buku teks tetapi mengalami peningkatan yang minima Hal ini merujuk kepada ujian post iaitu setelah proses pengajaran dan pembelajaran di lakukan.

Jadual 4.8.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat bagi soalan mudah kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dealam ujian pra dan post.

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	Buku teks	5.73	0.45
Post		6.00	0.00

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8.2 ialah keputusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post . daripada jadual ini ternyata bahawa terdapat perberzaan yang signifikan di antara min pencapaian dalam ujian pra dan ujian post , nilai t = 3.25 . Ini menunjukkan bahawa pengajaran yang diberikan kepada murid yang menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar juga berkesan walaupun mengalami peningkatan yang sedikit dalam kefahaman bacaan pelajar. Oleh itu hipotesis nul 1.6.8 , iaitu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post di tolak.**

Jadual 4.8.2

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat bagi aras mudah kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post .

Ujian	Bahan	Min	Nilai – t
Pra	Buku Teks	5.73	3.25
Post		6.00	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9 Pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post

Jadual 4.9.1 menunjukkan min dan sisihan lazim markat kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dan ujian post. Berdasarkan jadual di bawah menunjukkan bahawa min pencapaian murid yang menggunakan buku teks dalam ujian pra ialah 4.93 , SL = 0.78 , manakala min pencapaian dalam ujian post ialah 5.40 , sl = 0.89 . Daripada data ini ternyata bahawa terdapat peningkatan pencapaian kefahaman bacaan murid yang menggunakan buku teks berdasarkan ujian post , iaitu setelah proses pengajaran dan pembelajaran di jalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9.1

Min dan sisihan lazim (SL) markat bagi aras tinggi kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan post.

Ujian	Bahan	Min	SL
Pra	Buku Teks	4.93	0.78
Post		5.40	0.89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9.2 menunjukkan ke putusan ujian t bagi menunjukkan perbezaan pencapaian kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post. Merujuk kepada jadual di bawah ternyata bahawa terdapat perbezaan antara min pencapaian dalam ujian pra dan ujian post , nilai t = 2.73 . Ini menunjukkan bahawa pengajaran yang diberikan kepada murid yang menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar juga berkesan dalam kefahaman bacaan murid . Oleh itu hipotesis nul 1.6.9 , iaitu **tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post ditolak.**

Jadual 4.9.2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian – t bagi menunjukkan perbezaan markat bagi soalan aras tinggi kefahaman bacaan murid menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post.

Ujian	Bahan	Min	Nilai - t
Pra	Buku Teks	4.93	2.73
Post		5.40	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

RINGKASAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merumus dan membincangkan dapatan kajian serta mengemukakan cadangan untuk kajian selanjutnya. Hipotesis nul yang diuji dirumus dalam perenggan 5.1. Sementara ringkasan dapatan kajian yang dirumuskan daripada ujian hipotesis nul di kemukakan dalam perenggan 5.2. perbincangan dapatan dalam perenggan 5.3 manakala 5.4 dikemukakan implikasi kajian dan akhir sekali dalam perenggan 5.5 di kemukakan cadangan untuk penyelidikan selanjutnya.

5.1 Hipotesis Nul

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan kesan dua penggunaan media dalam pengajaran kefahaman bacaan iaitu penggunaan akhbar berkonsepkan ADD dan penggunaan buku teks , terhadap markat pencapaian kefahaman bacaan murid dalam ujian pra dan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian t telah digunakan untuk menguji perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid yang menggunakan akhbar berkonsepkan ADD dengan pelajar yang menggunakan buku teks. Aras 0.05 digunakan untuk menerima atau menolak hipotesis kajian ini. Untuk mencapai tujuan di atas , kajian ini cuba menguji sembilan hipotesis nul yang berikut.

5.1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post.

5.1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post.

5.1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi .

5.1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dengan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

5.1.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dengan ujian post .

5.1.9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Dapatan

Dapatan daripada kajian menunjukkan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah ini , bahawa kedua-dua penggunaan media boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam kefahaman bacaan. Penggunaan akhbar berkonsepkan ADD di dapati lebih berkesan berbanding penggunaan buku teks. Dapatan kajian ini membuktikan pendapat Kamarudin Haji Husin (1996) bahawa potongan akhbar mengenai satu berita , rencana , iklan , pengumuman dan sebagainya dapat di jadikan bahan dan alat untuk pengajaran bahasa Malaysia yang berkesan.

Hasil ujian - t bagi kesembilan hipotesis nul kajian adalah seperti yang berikut :

1. Berdasarkan bagi hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan pelajar kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan dalam ujian post. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian keseluruhan markat kumpulan eksperimental. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan akhbar berkonsepkan ADD adalah sangat berkesan sebagai bahan bantu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan pelajar dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian post. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan, kerana markat yang di perolehi oleh murid bagi kedua-dua kumpulan hampir sama. Ini bermakna kedua-dua bahan yang digunakan dalam pengajaran tidak mendatangkan apa-apa kesan dalam soalan aras mudah.

3. Berdasarkan hipotesis kajain terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental dengan kumpulan bagi soalan aras tinggi dalam ujian post. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi soalan aras tinggi dalam kumpulan eksperimental , ini dapat dinyatakan melalui markat ujian post. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan akhbar dalam bilik darjah adalah sangat berkesan.

4. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental yang menggunakan akhbar (ADD) dalam ujian pra dan ujian post. Hasil kajian mendapati pelajar yang diberikan rawatan dengan ADD dapat menunjukkan prestasi yang baik. Markat yang diperolehi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah tinggi berbanding prestasi markat pelajar dalam kumpulan kawalan.

5. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan di antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan yang menggunakan buku teks dalam ujian pra dan ujian post. Hasil kajian mendapati murid kumpulan kawalan mengalami peningkatan , tetapi markat yang diperolehi tidak setinggi markat bagi kumpulan eksperimental.

6. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dan ujian post. Hasil kajian mendapati majoriti murid dalam kumpulan eksperimental dapat menjawab soalan aras mudah dengan baik, ini jelas terdapat perbezaan markat dalam ujian pra dengan ujian post.

7. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan eksperimental bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi soalan aras tinggi dalam kumpulan eksperimental , Ini dapat dinyatakan melalui markat ujian pra dengan ujian post yang mengalami perbezaan nyata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan akhbar berkonsepkan ADD adalah sangat berkesan dan praktikal.

8. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras mudah dalam ujian pra dan ujian post. Hasil kajian mendapati majoriti murid dalam kumpulan kawalan memperoleh market yang baik dan terdapat perbezaan yang nyata dari segi markat.

9. Berdasarkan hipotesis kajian terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kefahaman bacaan murid dalam kumpulan kawalan bagi soalan aras tinggi dalam ujian pra dengan ujian post . Hasil kajian mendapati murid kumpulan kawalan markat yang diperolehi mengalami peningkatan . Peningkatan ini disebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan walaupun menggunakan buku teks sebagai bahan bantu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua penggunaan media ini boleh meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan tetapi penggunaan akhbar berkonsepkan ADD lebih berkesan daripada penggunaan buku teks. Bukti-bukti yang dinyatakan menunjukkan bahawa akhbar (ADD) sebagai bahan bantu mengajar dapat meningkatkan pencapaian murid dalam aspek memahami ssuatu bahan bacaan . Kajian ini sama dengan dapatan kajian Noraziah (1981) . Kajian Noraziah melaporkan bahawa murid-murid yang menggunakan surat khabar sebagai bahan pembelajaran dapat mempercepat proses pemahaman murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan media seperti penggunaan surat akhbar (ADD) lebih berkesan untuk meningkatkan pencapaian bagi memahami sesuatu bahan bacaan. Murid-murid yang diajar melalui penggunaan media ini dapat menunjukkan markat pencapaian yang menggalakkan . Keputusan markat mereka lebih tinggi berbanding markat murid yang menggunakan buku teks sebagai bahan pembelajaran. Terdapat persamaan dapatan kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Janison , Suppes dan Stuart (Dean , J et. Al. 1974) . Kajian mereka melaporkan bahawa menggunakan media akan membolehkan murid-murid belajar dan memahami dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian lain juga mendapati murid yang diberikan rawatan dengan menggunakan akhbar (ADD) telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam kefahaman bacaan. Hal ini bermakna bahan-bahan ini dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kefahaman . Pendapat ini disokong oleh kenyataan Carlson , T.R. (1972) bahawa , pengajaran kemahiran dan kebolehan membaca dan memahami bukan sahaja memerlukan arahan yang baik dan teratur tetapi bahan bacaan mestilah yang bersesuaian .

5.4 Implikasi Kajian Terhadap Guru Bahasa Melayu

Implikasi kajian ini kepada guru Bahasa Melayu banyak tertumpu kepada aspek yang meliputi penyesuaian dan penggunaan bahan serta media pengajaran yang digunakan. Aspek lain yang meliputi pedagogi seperti pendekatan , kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran serta sikap guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu juga diambil kira.

Aspek pemilihan , penyesuaian dan penggunaan bahan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diberi tumpuan oleh guru-guru Bahasa Melayu . Aspek ini dikira penting kerana penggunaan bahan media yang tidak sesuai diajarkan kepada murid tidak akan mendatangkan kesan dalam pembelajarannya. Penggunaan surat khabar dalam pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dikira sesuai kepada murid Tahun Empat kerana tahap umur ini mereka memerlukan pelbagai bentuk dan jenis bahan sebagai sumber ilmu.

Oleh itu bahan sama ada contoh cerita guru atau yang diambil daripada surat khabar mestilah sesuai dengan tahap pemikiran murid. Selain itu , guru juga perlu sensitif kepada aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pembinaan soalan dan pemilihan bahan dalam surat khabar serta mendapatkan hasil cerita yang realistik . Selain itu guru juga boleh menggunakan iklan-iklan dan rencana yang sesuai agar murid bertambah minat mereka terhadap pelajaran.

Perkara kedua yang perlu diambil kira oleh guru ialah aspek pedagogi , semua guru Bahasa Melayu perlu menguasai cara pengendalian sesuatu pendekatan kaedah atau teknik mengajar apabila menggunakan sesuatu petikan, rencana iklan dan sebagainya daripada akhbar. Inilah aspek yang dianggap menyekat guru dalam menjayakan pelaksanaan pendekatan ini. Bagi guru-guru Bahasa Melayu yang belum pernah didedahkan dengan pendekatan penggunaan akhbar berkonsepkan ADD, inisiatif perlu dibuat untuk mengadakan kursus atau perkembangan staf yang boleh dikendalikan oleh guru-guru yang pernah didedahkan dengan pendekatan ini.

Implikasi lain yang berkaitan dengan kajian ini yang melibatkan guru bahasa Melayu ialah perlunya paradigma yang merujuk kepada perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

inovasi dalam pendidikan bahasa Melayu. Walaupun pendekatan ini telah lama di perkenalkan , namun segelintir sahaja guru yang mempraktikannya . Pada mereka untuk mempraktikkannya memerlukan masa dan sukar untuk menghabiskan sukatan pelajaran . Bagaimanapun , pendekatan yang mementingkan penggunaan akhbar yang berkonsepkan ADD dalam kefahaman bacaan ini sangat baik dan tepat sekali di gunakan dan dilaksanakan kerana di samping guru boleh merancang dari segi isi , aras soalan , bentuk soalan , skop soalan dan teknik penyoalan , walau bagaimanapun guru boleh membantu murid mengukuhkan teknik membaca serta memahami isi kandungan dalam bahan bacaan. Ini akan membiasakan murid dengan aspek-aspek yang perlu di ketahui dan dikuasai apabila membaca sesuatu bahan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Cadangan-cadangan Untuk Penyelidikan Lanjutan

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan kajian , dalam penyelidikan ini terdapat batasan tertentu yang perlu diikuti . Oleh itu , di bawah ini dicadangkan beberapa bidang penyelidikan lanjutan yang boleh dijalankan.

Kajian selanjutnya dapat dilaksanakan melalui kaedah eksperimen yang menggunakan reka bentuk yang lain. Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa reka bentuk lain yang boleh membantu para penyelidik menjalankan penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan murid seramai 60 orang daripada Sekolah Kebangsaan Pendita Zaaba sebagai subjek kajian , menghasilkan satu dapatan yang terhad . Oleh itu, dicadangkan kepada pengkaji yang akan datang supaya meluaskan lagi pemilihan subjek kajian. Kajian ini boleh diluaskan lagi hingga ke peringkat sekolah menengah.

Satu kajian boleh dijalankan untuk menguji kesan penggunaan akhbar berkonsepkan ADD dalam penulisan karangan , rencana dan penulisan kreatif . Adalah diharapkan pengkaji akan datang dapat membuat kajian menyeluruh berdasarkan aspek-aspek yang dinyatakan tadi . Tujuannya untuk membuktikan keberkesanan penggunaan akhbar berkonsepkan ADD adalah jelas.

Kajian ini melibatkan sebuah sekolah dan 60 orang murid sahaja . Pengkaji berharap dapatan kajian ini merupakan satu usaha permulaan ke arah mengisi kekurangan penyelidikan dalam bidang pendekatan pengajaran kefahaman bacaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan usaha ini dapat diteruskan . Oleh itu , diharapkan pihak-pihak tertentu di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) , Jemaah Nazir dan Bahagian endidikan Guru (BPG) akan melaksanakan kajian berbentuk eksperimen dalam reka bentuk yang lebih mantap untuk menentukan kesan penggunaan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

media ini dalam pengajaran dan pembelajaran terutamaanya aspek kemahiran membaca dan memahami di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kajian perkembangan juga boleh dibuat antara murid bandar dengan murid luar bandar dalam pencapaian kefahaman bacaan mereka tanpa membuat perbandingan antara kedua-dua penggunaan bahan media.

Penyelidikan dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah eksperimen . Kekurangan dan kelemahan pasti wujud apabila menggunakan menggunakan kaedah tersebut dalam kajian ini . Oleh itu , dicadangkan kajian akan datang akan menggunakan kaedah tinjauan perihalan atau kaedah pemerhatian yang mungkin dapat mencungkil dan mengetahui keberkesanan ADD dengan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bibliografi

Asmah Haji Omar . 1980 . ***"Pengajaran Bahasa Untuk Kemahiran Bacaan : Pendekatan Wacana"*** dalam Jurnal Dewan Bahasa . Jilid 24, Bil 7

Atan Long. 1982. ***"Pedagogi Kaedah Am Mengajar."*** Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azizah Abdul Rahman . 1982 . ***"Kurikulum Tersembunyi di Sekolah-Sekolah : Kesannya Terhadap Kanak-Kanak,"*** dalam Jurnal Pendidikan 4 (1) 1982. hlm 16-19 .

Azman Wan Chik . 1984. ***Mengajar Bahasa Malaysia Jilid II : Latihan Guru dan Bahasa***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.

Burns,Donald C. 1955. ***Newspaper Reading in Secondary Modern School dalam British Journal of Educational Pshchology.***XXV (February).

Cornell. 1981 . ***Asas Pendidikan***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka

Crow and Crow . 1983. ***Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan***. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ellis,James .1969. "***A Reading Survey by Warwickshire National Association Of Teachers of English dalam English in Education,***" III , No .1 (April)

Frederick, Paul.1941. "***Newspaper in The School Library Field" dalam Library Trends I*** "(1941).

Harun Che Su. 1981. "***Teknologi di Bidang Pendidikan" dalam Widya ,Bil. 51*** (II) Kuala Lumpur. Hlm. 25 – 31.

Jameldin Otok. 1980. ***Kartun dan Pendidikan dalam Pendidikan Sebaran Pendidikan*** Jilid 8, Julai . Kuala Lumpur. Hlm. 16 – 18.

Kamarudin Haji Husin. 1986. ***Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.*** Subang Jaya : Sarjana (M) Sdn. Bhd.

----------. 1986. ***Panduan Latihan Mengajar.*** Kuala Lumpur : Heinemannn (Malaysia) Sdn. Bhd.

----------. 1988. ***Pedagogi Bahasa***. Petaling Jaya : Longmans (M) Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mansur Ahmad Saman . 1983 . ***Media di Malaysia*** . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .

Mat Nor Husin dan Ab. Rahman Rashid . 1987 . ***Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*** . Petaling Jaya : Longmans (M) Sdn. Bhd.

Mohd Hilmi Hj. Ismail . 1982 . ***Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Di Sekolah-Sekolah Rendah.*** Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noraziah Abdul Hamid . 1984 . ***Alatan Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia .*** Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam . 1985 . ***Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia*** . Petaling Jaya : Fajar Bakti .

Syarifah Alwiyah Al Sagoff . i984 . ***Teknologi Pendidikan*** . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman Masri 1983 . ***Peranan Media Massa di Negara-Negara Membangun*** Kuala Lumpur : sarjana (M) Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teuku Iskandar . 1970 . ***Kamus Dewan*** . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wall, W.D. 1984 ***The Newspapaer Reading of Adolescents And Adults . British Journal of Education Psychology*** , XVII

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

اونيۏرسيتي ڤندديقن سلطان ادريس
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05-450 6005 Fax: 05-459 4649
Laman Web: www.upsi.edu.my
Email: admin@upsi.edu.my

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pusat Pengajian Siswazah
Universalisme Profesionalisme Spiritualisme Intelektualisme"

Rujukan Tuan : UPSI/PASCA/1.5
Rujukan Kami :
Tarikh : 5 APRIL 2004

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

PENGESAHAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Dengan segala hormat dan takzimnya dimaklumkan bahawa penama di bawah adalah penuntut Program Pengajian Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Nama : NOOR AZNI BIN YAHYA

No. Pendaftaran : 200000138

No. K/P : 640922-08-6337

Program : BAHASA MELAYU

2. Sehubungan itu, pihak kami memohon jasa baik tuan supaya dapat membenarkan pelajar tersebut membuat kajian serta penyelidikan di tempat tuan bagi memenuhi pengajian beliau di UPSI.

3. Kerjasama dan tindakan Yang Berusaha tuan berikan kepada pelajar di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

Saya yang menjalankan tugas.

(NOORAINI ABU KASSIM)
Penolong Pendaftar
Pusat Pengajian Siswazah

ABIDIN BIN HJ. SHARIP
Guru Besar
Sek. Keb. Pondita Za'ba
35400 Tapah Road, Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UJIAN PRA / UJIAN POS

Tajuk : Lawatan Ke Pusat Sains Negara

Pada minggu lalu, kami telah mengadakan lawatan ke Pusat Sains Negara. Seramai 40 orang murid menyertai lawatan itu. Kami ditemani oleh guru penasihat Sekolah Kebangsaan Datuk Kelana, Cikgu Muhammad Kamal dan guru kelas Tahun Empat Bestari, Cikgu Nurulhuda.

Kami bertolak dari sekolah pada pukul 8.00 pagi dengan menaiki bas. Pada pukul 9.45 pagi, kami tiba di destinasi kami yang terletak di Bukit Kiara, iaitu 14 kilometer dari Kuala Lumpur.

Bangunan Pusat Sains Negara berbentuk separa bulat dan tersergam indah di atas bukit. Sambil berjalan kaki ke bangunan utama, kami menikmati keindahan alam di sekelilingnya. Banyak pohon dan pokok bunga yang ditanam di sini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di pintu masuk bangunan itu, terdapat sebuah akuarium ikan air tropika yang bermacam-macam spesis. Antaranya termasuklah ikan patin, kelisa emas, dan kalui putih. Di Galeri Penerokaan Alam Sekirtar pula tersedia visual beraneka jenis hutan seperti hutan pamah bakau, hutan hujan tanah pamah, hutan tepi pantai, dan sebagainya.

Galeri Alam Persekolahan Kanak-Kanak merupakan galeri yang paling menarik. Kami berpeluang mencuba, memanjat, menggelongsor, dan bermain sambil belajar. Kami dapat menerokai alam angkasa lepas, mengembara ke dasar laut, dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap galeri yang kami lawati mempunyai mesej yang tertentu.Contohnya galeri Alam Mesin Pintar bertujuan menarik minat orang ramai untuk mereka cipta sesuatu yang baru dengan berdasarkan ciptaan lama.

Sepanjang lawatan ini, kami banyak mempelajari sesuatu yang baru. Pengalaman di Pusat Sains Negara sememangnya telah menambah pengetahuan kami. Pada pukul 2.00 tengah hari kami bertolak pulang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Siapakah yang telah melawat ke Pusat sains Negara ?

   Jawapan :.....

2. Di manakah letaknya Pusat Sains Negara ?

   Jawapan:.....

3. Apakah yang terdapat di pintu masuk Pusat Sains Negara ?

   Jawapan:.....

4. Berapa lamakah mereka berada di Pusat Sains Negara ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Mengapakah mereka berasa gembira semasa berada di galeri Alam Persekolahan Kanak-Kanak ?

   Jawapan:.....

6. Nyatakan tujuan galeri Alam Mesin Pintar diadakan ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LATIHAN DUA

Tajuk : Awasi Disiplin Murid

Masalah disiplin di kalangan remaja, terutama murid sekolah rendah perlu diberi perhatian serius berikutan peningkatan jumlah murid yang terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral semakin meningkat.

Antara kes salah laku yang dikenal pasti ialah menghidu gam, penyalahgunaan ubat batuk, menghisap rokok, ponteng sekolah , lepak, mencuri, melawan guru dan kes dadah.

Kegiatan tidak bermoral itu jelas mencerminkan perlakuan yang kurang sopan bagi kanak-kanak atau murid-murid yang masih menduduki tahun dua hingga enam yang sewajarnya menumpukan perhatian kepada pelajaran dan bersih daripada anasir kurang sihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Biarpun masalah disiplin di negara ini tidak teruk berbanding di negara barat, namun jika tidak dibendung di peringkat awal ia pasti akan menular dan bertambah serius pada masa akan datang.

Kebanyakan murid terbabit yang masih menduduki tahun dua hingga enam mengamalkan perbuatan berbahaya itu setiap kali ponteng sekolah dengan memilih tempat tersorok sama ada di lading atau di kawasan rumah terbengkalai.

Mereka menggunakan wang saku yang diberi oleh ibu bapa untuk membeli ubat batuk atau gam. Ada yang sanggup 'berpuasa' di sekolah semata-mata untuk mengumpul wang membeli ubat batuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mengaburi mata pihak berkuasa, tedapat juga sendiket yang menjadikan murid sekolah sebagai orang tengah membawa pil khayal atau dadah kepada orang ketiga.

Bagi murid yang bersekolah di bandar dan lebih mudah terdedah dengan gejala kurang sihat, jangan cepat terpedaya dengan pujuk rayu atau janji manis sesiapa sahaja yang tidak dikenali.

Murid-murid perlu sedar harapan dan impian ibu bapa yang ingin melihat anak mereka berjaya menjadi seseorang yang berguna. Untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini, gunakan kenderaan khas seperti bas sekolah untuk pergi dan balik sekolah setiap hari. Terus balik ke rumah sebaik sahaja tamat waktu sekolah dan jangan membuang masa atau singgah di mana-mana. Selain itu, murid-murid juga di nasihatkan jangan berkawan dengan sesiapa sahaja yang tidak di ketahui latar belakangnya terlebih dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah :

1. Apakah salah laku remaja yang terdapat dalam petikan ini ?

   Jawapan :.....

2. Siapakah yang terlibat dalam masalah disiplin ?

   Jawapan:.....

3. Apakah yang akan terjadi jika masalah disiplin remaja tidak dibendung di peringkat awal ?

   Jawapan:.....

4. Dari manakah murid mendapat wang untuk membeli dadah ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

   Jawapan: .....

5. Bagaimanakah masalah disiplin ini dapat dielakkan?

   Jawapan :.....

6. Mengapakah masalh disiplin ini berlaku ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LATIHAN TIGA

Tajuk : Dialog

Syazmi : Eh, Leong ! Kau baca tak akhbar dua hari lepas ?

Leong : Baca. Mengapa kau tanya ? Ada **berita panas** bola sepak piala duniakah ?

Syazmi : Bukan berita itu yang aku maksudkan . Kau baca tak beita tentang harimau mati ditembak di Sungai Siput ?

Leong : Ya , kasihan harimau tu !

Syazmi : Mengapa pula kau bersimpati dengan nasib harimau itu ? Harimau tersebut telah membaham dua orang, jadi seharusnya dibunuh supaya keselamatan penduduk di kawasan itu terjamin.

Leong : Harimau itu mengganas kerana telah luka akibat ditembak dan patah kaki kanannya kerana terkena perangkap.

Syazmi : Maksud kau harimau itu tidak akan mengganas jika tidak luka atau cedera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leong : Ya , begitulah. Seharusnya mereka melindungi haiwan itu.

Syazmi : Jadi yang salah di sini ialah manusia yang tidak bertanggungjawab itulah. Kesalahan mereka telah menyebabkan orang lain menjadi mangsa harimau tersebut. Kau tahu di negara kita terdapat kira-kira 65 ekor harimau sahaja dan 'Harimau Malaya' seperti yang telah dibunuh itu hanya tinggal beberapa ekor sahaja.

Leong : Itulah sebabnya pihak Perhilitan telah menjadikan harimau sebagai haiwan yang dilindungi. Maksudnya sesiapa yang membunuh dan mencederakan haiwan tersebut boleh didenda atau dipenjarakan.

Syazmi : Para pemburu bukan tidak mengetahui undang-undang tetapi kerana dorongan wang. Kulit harimau mempunyai nilai yang tinggi di pasaran gelap.

Leong : Lagi pun dalam banyak hal, penguatkuasaan undang-undang agak lemah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Syazmi : Saya ada menyimpan ganbar-gambar dan berita tentang harimau itu. Kalau engkau hendak tengok boleh lah datang ke rumah.

Leong : Buat apa kau simpan gambar-gambar itu ?

Syazmi : Aku nak tunjuk kepada kawan-kawan, tetapi yang lebih penting saya nak mereka sedar bahawa kita perlu melindungi haiwan itu supaya tidak pupus.

Leong : Bagus sekali niat engkau itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah :

1. Siapakah yang terlibat dalam perbualan itu ?

   Jawapan:.....

2. Berapa ekor harimau yang masih terdapat di negara kita ?

   Jawapan:.....

3. Mengapakah kita perlu menlindungi haiwan ?

   Jawapan:.....

4. Mengapakah pemburu suka memburu haiwan ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Apakah maksud sebenar **'berita panas'** dalam petikan ini ?

   Jawapan:.....

6. Mengapakah Leong bersimpati dengan nasib harimau itu ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Bilakah petani dari Kampung Tualang melawat Pusat Pertanian Daerah ?

   Jawapan:.....

2. Siapakah yang menyambut ketibaan pelawat-pelawat tersebut ?

   Jawapan:.....

3. Apakah tujuan ditubuhkan Koperasi Pertanian ?

   Jawapan:.....

4. Ceritakan bagaimanakah pendapatan petani boleh meningkat ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Apakah akan terjadi kepada petani, sekiranya mereka tidak di beri penerangan dan bantuan ?

   Jawapan:.....

6. Pada pendapat anda, mengapakah petani diberi bantuan?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kampung Indah



Kampung Indah ialah sebuah kawasan perumahan yang terletak di lereng bukit. Hawanya sejuk, udaranya nyaman dan menyegarkan. Di kawasan perumahan ini ada disediakan berbagai-bagai kemudahan awam. Antara kemudahan-kemudahan itu termasuklah dewan orang ramai, taman permainan kanak-kanak, air paip dan elektrik.

Penduduk kampung itu ada yang bekerja di jabatan kerajaan, syarikat swasta, kilang perusahaan dan ada yang berniaga. Pergaulan mereka sehari-hari sentiasa mesra dan muhibbah. Mereka telah menubuhkan sebuah persatuan untuk menjaga kebajikan dan keselamatan mereka. Badan kebajikan kampung ini mengadakan gotong-royong sekali dalam sebulan untuk membersihkan kawasan perumahan mereka.

Kerja gotong-royong itu biasanya diadakan pada hari-hari cuti atau hujung minggu. Semasa kerja gotong-royong diadakan penduduk kampung ini membawa perkakas seperti cangkul, parang, sabit, pongkes dan perkakas lain lagi. Mereka bekerja dari pagi hingga tengah hari.

Kampung Indah telah dua kali memenangi hadiah sebagai kampung contoh terbaik. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kebersihan, kerjasama dan semangat kejiranan. Kampung ini juga sentiasa aman. Penduduk-penduduk kampung ini bersama-sama menjaga keselamatan kampung mereka. Oleh itu kejadian seperti merompak dan mencuri jarang berlaku. Datuk Penghulu kampung ini pula sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan keselamatan anak buahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Di manakah letaknya Kampung Indah ?

   Jawapan:.....

2. Bagaimanakah keadaan hawa di Kampung Indah ?

   Jawapan:.....

3. Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan di Kampung Indah ?

   Jawapan:.....

4. Bilakah masanya penduduk Kampung Indah mengadakan kerja gotong-royong ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

   Jawapan:.....

5. Mengapakah Kampung Indah memenangi hadiah ?

   Jawapan:.....

6. Bagaimanakah keadaan pergaulan sehari-hari penduduk Kampung Indah ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tokoh Sukan Negara Kita



Penemu ramah : Selamat pagi Abang Rabuan. Di manakah dan pada tahun berapakah Abang Rabuan dilahirkan?

Abang Rabuan : Selamat pagi. Saya dilahirkan di Kampung Air Tawar, Merlimau, Melaka pada tahun 1956.

Penemu ramah : Sejak bilakah Abang Rabuan begitu minat dalam bidang olahraga?

Abang Rabuan : Saya meminati bidang olahraga sejak di bangku sekolah lagi tetapi pada masa itu saya tidaklah begitu aktif.

Penemu ramah : Siapakah yang memberi dorongan dan galakan kepada Abang Rabuan?

Abang Rabuan : Mereka yang bertanggungjawab memberi galakan ialah emak saya, Cikgu Abu Hassan Hewab, Cikgu Lessly Tan dan Encik Nashatar Singh.

Penemu ramah : Bagaimanakah pula caranya Abang Rabuan berlatih kerana setiap orang itu mempunyai cara yang berbeza-beza?

Abang Rabuan : Tentang latihan, saya terpaksa menjaga tiga perkara, iaitu latihan yang teratur, makanan dan tidur yang cukup.

Penemu ramah : Setakat ini berapakah bilangan piala yang telah Abang Rabuan terima?

Abang Rabuan : Kalau nak dikira sejak dari bangku sekolah dahulu, memanglah tak terkira tetapi di peringkat antarabangsa ada lebih kurang 15 pingat emas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penemu ramah : Berkaitan dengan piala ini, bilakah pula Abang Rabuan mula mewakili negara dalam lapangan olahraga?

Abang Rabuan: Saya mula mewakili negara pada tahun 1978, iaitu pertama kali Sukan Asia diadakan di kota Bangkok.

Penemu ramah : Apakah acara yang Abang Rabuan sertai dalam sukan itu?

Abang Rabuan : Saya mengambil bahagian dalam acara 100 meter dan 200 meter.

Penemu ramah : Adakah Abang Rabuan menang dalam kedua-dua acara ini.

Abang Rabuan : Oh! Tidak. Abang hanya berjaya dalam acara 200 meter.

Penemu ramah : Kalau tidak silap saya Abang Rabuan pernah dipilih sebagai olahragawan negara sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 1979 dan tahun 1981. Jadi, apakah nasihat dan pesanan yang dapat Abang Rabuan berikan untuk mereka yang berminat dalam bidang olahraga?

Abang Rabuan : Saya berharap mereka yang berminat dan berkebolehan janganlah mudah berasa putus asa kerana tidak berjaya dalam sesuatu perlawanan. Kita mesti mencuba dan berusaha dahulu. Kepada adik-adik yang masih bersekolah, jangan sesekali abaikan pelajaran walaupun terpaksa menjalani latihan, kerana kedua-duanya penting. Jadi, itulah nasihat yang abang berikan.

Penemu ramah : Terima kasih, Abang Rabuan. Semoga nasihat yang Abang Rabuan berikan itu dapat pula melahirkan jaguh-jaguh olahraga yang lebih bersemangat dan berkebolehan. Harapan kita, semoga Abang Rabuan dapat menjadi jurulatih kebangsaan dan seterusnya dapat pula melatih bakal-bakal olahragawan dan olahragawati negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Di manakah Rabuan dilahirkan ?

   Jawapan:.....

2. Sejak bilakah Rabuan begitu minat dalam bidang olahraga ?

   Jawapan:.....

3. Bagaimanakah Rabuan berlatih ?

   Jawapan:.....

4. Apakah sifat-sifat yang perlu ada kepada seorang ahli sukan ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Nyatakan kebaikan bersukan kepada kita ?

   Jawapan:.....

6. Mengapakah pelajaran penting kepada seseorang ?

   Jawapan:.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi